

## PRAKATA NAIB CANSOLOR



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T atas kejayaan Pusat Kerjaya dan Kaunseling, UiTM Shah Alam dalam menghasilkan Buku Garis Panduan Pelaksanaan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) UiTM. Saya juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam memastikan kelancaran penghasilan buku ini.

Buku ini amat penting kerana berperanan menjadi rujukan bagi pihak pengurusan sumber manusia dan ahli-ahli AKRAB di PTJ/ Fakulti/ Kampus Negeri dalam mengendalikan fungsi AKRAB di seluruh UiTM. AKRAB secara umumnya mempunyai peranan yang amat besar dalam aspek pembangunan sendiri kakitangan sesebuah Jabatan. Perkara ini seperti yang telah digariskan dalam Pekeliling Perkhidmatan Ceraian PO.3.1.1 Panduan Aplikasi Psikologi dalam Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam yang menekankan aspek Pembangunan, Pencegahan dan Pemulihan terhadap kakitangan awam.

Saya berharap agar Buku Garis Panduan Pelaksanaan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak bagi mempertingkatkan

sistem penyampaian perkhidmatan yang terbaik dalam usaha memperkasakan peranan AKRAB di UiTM.

Sekian, terima kasih.

**Profesor Datuk Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor**

Naib Canselor UiTM